



NEGERI BRUNEI

E 9 TAHUN 1975

UNDANG2 SENJATA2 "BIOLOGICAL"  
1975

Beta bersetuju



HASSANAL BOLKIAH  
*Sultan.*

*Satu Undang2 untok melarang perkembangan, pengeluaran, perolehan dan pemilikan "ejen2 hayat (biological agents)" dan rachun2 tertentu dan senjata2 "hayat (biological)".*

[ 11-4-75 ]

ADALAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti yang berikut :—

Gelaran  
pendek.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Senjata2 "Biological", 1975.

Pembatasan terhadap perkembangan dsb. "biological agents" dan rachun2 yang tertentu dan senjata2 "biological"

2. (1) Tiada sa-saorang pun boleh mengembangkan, mengeluarkan, menghimpunkan persediaan, memperolehi atau menyimpan —

(a) apa jua "biological agent" atau rachun dari satu jenis dan satu jumlah yang tidak dapat di-terima bagi maksud2 penchehagan, perlindungan atau maksud2 keamanan yang lain; atau

(b) apa jua senjata, peralatan atau chara penyampaian yang di-maksudkan untuk menggunakan "biological agents" atau rachun2 bagi maksud2 perseteruan atau dalam pertikaian bersenjata.

(2) Di-dalam Bab ini —

"ejen2 hayat" berma'ana apa jua "ajen" kuman atau "ejen hayat" yang lain; dan

(3) Sesiapa jua yang melanggar Bab ini ada-lah bersalah dan boleh di-kenakan hukum penjara sa-umor hidup.

Penda'awaan kesalahan2.

3. Langkah2 pembicharaan bagi sa-suatu kesalahan di-bawah Bab 2 di-atas tidak boleh di-mulakan kechuali oleh atau dengan kebenaran penda'awa Raya.

Kesalahan2 oleh sharikat2 perbadanan.

4. Di-mana sa-suatu kesalahan di-bawah Bab 2 dari Undang2 ini yang di-lakukan oleh sa-sabuah sharikat perbadanan di-buktikan telah di-lakukan dengan persetujuan dan pembiaran, atau di-sebabkan oleh sebarang kechuaian dari pehak, mana2 pengarah, pengurus, setiausaha atau lain2 pegawai yang saumpama-nya dari sharikat perbadanan itu, atau mana2 orang yang di-maksudkan untuk bertindak dalam sebarang keupayaan yang sedemikian, maka-nya serta jua sharikat perbadanan itu ada-lah bersalah dalam kesalahan itu dan boleh di-ambil langkah pembicharaan terhadap-nya dan di-hukum kerana-nya.

Kuasa2 untuk menggeledah dan memperolehi bukti keterangan.

5. Jika sa-saorang majistret berpuas-hati dengan ma'alumat bersumpah bahawa ada alasan yang munasabah bagi mengshakki bahawa satu kesalahan di-bawah bab 2 dari undang2 ini telah,

atau hampir akan, di-lakukan, maka ia boleh memberi satu waran penggeledahan yang memberi kuasa kepada orang yang di-namakan di-dalam waran itu —

- (a) untok memasokki, pada bila2 masa dalam tempoh sa-bulan daripada tarikh waran itu, mana2 bangunan atau tempat yang di-namakan di-dalam-nya, jika perlu dengan kekerasan, dan untok menggeledah bangunan atau tempat itu dan tiap2 orang yang di-dapati di-dalam-nya;
- (b) untok memeriksa sebarang dokumen yang di-dapati dalam bangunan atau tempat itu atau dalam milek sebarang orang yang di-dapati di-dalam-nya, dan untok mengambil salinan2, atau merampas atau menahan sebarang dokumen sedemikian;
- (c) untok memeriksa, merampas dan menahan apa jua peralatan yang di-dapati; dan
- (d) untok memeriksa, mengambil chontoh, merampas dan menahan apa jua benda yang di-dapati.

Di-luluskan pada 6 haribulan Januari, 1975.

JUDIN ASAR,  
*Juru Tulis,*  
*Majlis2 Mashuarat,*  
*Brunei.*